

9 MAR 1996

Jelajah Langkawi

PELUMBA BASIKAL GIANT-AIS SELANGKAH LAGI UNTUK RAIH KEJUARAAN

LANGKAWI, 9 Mac (Bernama) -- Damian McDonald dan Jay Sweet dari Giant-AIS Australia hanya selangkah lagi untuk meraih kejuaraan dalam perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi yang masuk peringkat akhir esok.

Selepas perlumbaan peringkat kesembilan dari Kuala Terengganu ke Kota Baharu tengah hari ini mereka mengekalkan jersi kuning, hijau dan berbintik-bintik merah yang dimenangi dalam peringkat sebelum ini.

Jay masih merupakan raja pecut jelajah itu dengan mengekalkan jersi hijau manakala Damian mengekalkan kejuaraan jersi berbintik-bintik merah dan kuning.

Dengan hanya satu lagi peringkat yang akan diadakan di sini esok -- mengelilingi pulau sejauh 67.1km -- kedua-dua pelumba berkenaan hampir pasti memenangi kejuaraan itu.

Dalam perlumbaan hari ini yang merangkumi jarak 168.3km, Jay Sweet adalah pemenang keseluruhan dengan mencatat masa 4:01:51s. Selain sebagai pemenang keseluruhan beliau juga memenangi jersi hijau dan sehingga kini memungut 115 mata iaitu 23 mata di hadapan pencabarnya Christian Anderson dari Denmark.

Jay memungut sejumlah 17 mata menerusi pecut jarak dekat yang dijalani hari ini. Beliau memenangi pecut ketiga dan akhir masing-masing di Pasir Puteh dan Jerneh.

Damian masih merupakan pemenang jersi berbintik-bintik merah dan kuning. Selepas peringkat hari ini Damian memungut jumlah masa 32:54:09s untuk jersi kuning dan 21 mata untuk bintik merah.

Tidak seperti peringkat sebelum ini yang dipertandingkan dengan hebat oleh pelumba, perjalanan hari ini ke Kota Baharu adalah lebih sebagai "kayuahan percutian" kepada mereka.

Kumpulan pelumba itu tidak berpecah sehingga kepada akhir 30km untuk garis penamat kerana laluan sempit dan terdapat lencongan berdekatan Kampung Jabi, Bandar Permaisuri dan Pasir Puteh.

Hanya selepas pecutan akhir di Kubang Krian barulah perlumbaan memperlihatkan kemeriahan jelajah ini.

Pelumba mula berpecah apabila perlumbaan tinggal kira-kira 10 km lagi hendak tamat dengan Giant-AIS mendahului kedudukan diikuti dengan rapat pelumba dari New Zealand dan Switzerland.

Apabila perlumbaan tinggal 500m lagi dari garis penamat, ianya menyaksikan Jay mengorak langkah dari menduduki tempat kelima terus mara dan mendahului peserta lain sehingga garis penamat.

"Perlumbaan itu tidak begitu mengghairahkan dari mula dan saya membiarkan diri saya di belakang pelumba utama. Saya mengorak langkah selepas pecut akhir dan kemudian semuanya berjalan lancar," kata Jay.

Bagi Damian, yang memungut jersi kuning yang ketujuhnya hari ini berkata ia satu pencapaian dalam jelajah ini.

Adalah agak sukar untuk mempertahankan kejuaraan dalam peringkat awal tetapi apabila perlumbaan diteruskan ia semakin mudah, katanya.

Pelumba Malaysia M. Kumaresan yang dalam kedudukan ke-15 mencatatkan masa 4:01:51s.

Pasukan Giant-AIS dari Australia masih mendahului kejuaraan pasukan keseluruhan dan sehingga hari ini mereka mencatatkan jumlah masa 97:13:47s.

Menteri Besar Kelantan Haji Nik Aziz Nik Mat adalah antara beribu-ribu penonton menyaksikan perlumbaan itu dan kemudian Menteri Besar menyampaikan hadiah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan upacara penutup Le Tour de Langkawi esok.

Mahathir, yang juga penaung jelajah itu, akan mengikuti konvoi perlumbaan peringkat 10 yang merangkumi jarak sejauh 67.1km mengelilingi pulau ini.

Jelajah itu yang bermula 29 Feb merangkumi semua negeri di Semenanjung.

Acara itu disifatkan sebagai perlumbaan berbasikal yang terbesar di Asia dengan menawarkan hadiah RM1 juta.

Sebanyak 21 pasukan dengan 134 pelumba mengambil bahagian dalam perlumbaan itu.

Berikut ialah keputusan jelajah selepas peringkat hari ini -- peringkat 9:

PERINGKAT 9 SEPULUH PEMENANG TERATAS (Kuala Terengganu Ke Kota Baharu)

---

Jay Sweet (Giant-AIS Australia) -- 4:01:51s; Glen Mitchell (New Switzerland) -- 4:01:51s; Rob Hayles (Great Britain) -- 4:01:51s; Brett Dennis (Giant) -- 4:01:51s; Christian Anderson (Denmark) -- 4:01:51s; Steve Rover (Canada) -- 4:01:51s; Eddie Pasquino (Dextro Energy Holland) -- 4:01:51s; John Tanner (Great Britain) -- 4:01:51s.

SEPULUH PEMENANG TERATAS JERSI KUNING (SELEPAS PERINGKAT 9);

---

Damian McDonald (Giant-AIS Australia) -- 32:54:09s; Chris Newton (Great Britain) -- 32:54:18s; Brett Dennis (Giant-AIS Australia) -- 32:54:21s; Matthew White (Australia) -- 32:55:02s; Marcel Gono (Australia) -- 32:55:12s; Douglas Ryder (South Africa) -- 32:55:12s; Jan Vallach (Slovakia) -- 32:55:20s; Brendon Hart (New Zealand) -- 32:55:25s; Kelvin Martin (Giant) -- 32:55:30s; Mark Rendall (New Zealand) -- 32:55:32s

SEPULUH PEMENANG TERATAS JERSI HIJAU (SELEPAS PERINGKAT 9)

---

Jay Sweet (Giant-AIS Australia) -- 115 mata; Christian Anderson (Denmark) -- 92 mata; Ric Reid (New Zealand) -- 65 mata; Glen Mtchell (New Kumaresan (Malaysia A) -- 28 mata; Morten Sonne (Denmark) -- 27 mata; Damian McDonald (Giant) -- 25 mata; Josef Christen (Switzerland) -- 24 mata

SEPULUH PEMENANG TERATAS JERSI BINTIK MERAH (RAJA BUKIT)

---

Damian McDonald (Giant-AIS Australia) -- 15 mata; Chris Newton (Great Britain) -- 15 mata; Matthew White (Australia) -- 12 mata; Roland Green (Canada) -- 10 mata; Josef Holzmann (Germany) -- 10 mata; Jan Valach (Slovakia) -- 10 mata; Brett Dennis (Giant) -- 7 mata; Oleg Ruban (Ukraine) -- 7 mata; Rob Hayles (Great Britain) -- 4 mata; Kelvin Martin (Giant) -- 3 mata;

SEPULUH PASUKAN TERATAS (SELEPAS PERINGKAT 8)

---

Giant-AIS Australia -- 97:13:47s; Australia -- 97:15:51s; South Africa -- 97:16:31s; New Zealand -- 97:17:11s; Canada -- 97:21:40s; Republic of Slovak -- 97:22:23s; Ukraine -- 97:25:03s; Germany -- 97:26:20s; Switzerland -- 97:26:29s; Dextro Energy Holland -- 97:28:38s.

-- Bernama.  
AHA CR AHH